

04/09/2003

`Demi Datuk' punca Merah Kuning terus aib

Halmi

JULIUS CAESAR adalah satu nama besar yang sering dikaitkan dengan sejarah musuh dalam selimut. Pada hari Caesar mahu dibunuh oleh beberapa pembesar Rome, si tukang ramal sudah pun memberi amaran betapa peristiwa berdarah bakal berlaku di ruang Senat. Hati isteri Caesar, Calpurnia meruntun-runtun meminta si suaminya jangan berarak ke Idles of March pada hari yang dinyatakan si tukang ramal itu.

Dalam perjalanan ke Idles of March, beberapa pembesar termasuk Brutus, Cassius dan Marcus Antonius yang bersekongkol Casca sambil berjalan berpura-pura memberikan laporan harian kepada Caesar. Brutus - nama pembesar negara yang pernah dilaungkan namanya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai rujukan musuh dalam selimut, sebenarnya adalah personaliti jujur dan paling disayangi Caesar.

Akan tetapi dek kerana termakan pujukan Cassius, Marcus Antonius dan Casca, Brutus hilang ingatan. Akhirnya Brutus tergamak ikut serta membunuh Caesar. Pada siang Caesar dibunuh, Marcus Antonius menatap mayat dan memohon izin untuk berucap kepada seluruh rakyat Rome. Rakyat Rome tertipu kerana tidak menyedari betapa Marcus Antonius sebenarnya adalah musuh dalam selimut buat Rome.

Sejarah yang mencengkam Caesar itu tidak ubah seperti apa yang berlaku kepada pengurus Selangor, Datuk Mokhtar Ahmad. Mungkin jalan ceritanya agak berbeza tetapi inti pati senario tetap sama kerana pengurus Merah Kuning seakan-akan ditikam daripada belakang oleh `insan-insan tertentu di dalam kem Selangor'.

Sebelum melangkah ke kancah Piala Malaysia, ada suara-suara sumbang yang meminta Mokhtar menunaikan janji membawa pasukan Merah Kuning ke Australia. Latihan Pra-Piala Malaysia di Brisbane bolehlah dianggap penawar hati duka berbaaur tawar yang sudah menanah di ruang hati pemain Selangor.

Ada cerita yang disampaikan kepada saya kononnya hati pemain Selangor terluka dengan sikap pengurusan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) gagal menepati janji selepas mereka bermati-matian membantu skuad bergelar Gergasi Merah itu menjulang Piala Malaysia untuk kali ke-29. Setakat ini, hanya Selangor yang banyak kali mampu menjulang piala berprestij itu selain Singapura.

Ternyata bukan mudah untuk Selangor menutup kisah duka gagal ke Australia selepas menang di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 2 November tahun sesudah menundukkan Sabah. Kerana itu mereka gagahkan juga mengikut kerenah dan kehendak pemain. Biarpun wang jadi rintangan, namun permuafakatan tinggi di antara pegawai FAS termasuk Presiden, Tengku Ahmad dan Mokhtar membolehkan mereka terbang juga ke Brisbane.

Sepanjang gelak ketawa yang saya saksikan di Brisbane, terbit rasa berani di hati Mokhtar betapa pemain Selangor sudah pun melupakan kepahitan gagal ke Liga Super 2004. Rasa aib kerana gagal ke kancah enam pasukan terbaik dilupakan seketika dek prestasi yang sangat memberangsangkan di Brisbane. Apatah lagi ada pemain yang berjanji akan naikkan nama Selangor. Kata mereka, demi Datuk!

Sekembali ke tanah air saya terima panggilan telefon yang mahu bermesra dan cuba untuk mencungkil senario sebenar kempen Pra-Piala Malaysia kem Selangor di Brisbane. Di penghujung bicara itu, si pemanggil itu mengingatkan saya mengenai `kuasa pemain yang boleh menjatuhkan sesiapa saja dalam sejarah bola sepak Malaysia.'

Kata-kata si pemanggil itu saya ketepikan begitu saja. Saya tidak membuat rumusan tanpa menilai keseluruhan jalan cerita. Apatah lagi saya dapat saksikan betapa tinggi moral dan semangat dedikasi pemain Merah Kuning sehingga dapat menundukkan dua pasukan kelab Australia.

Cerita si pemanggil itu terngiang-ngiang di telinga saya apabila gawang Selangor yang dijaga penjaga gol kebangsaan Malaysia dibolosi 15 gol hanya menerusi empat perlawanan! Padahalnya Selangor muncul pasukan pertama terkeluar daripada perebutan tiket ke suku akhir Piala Malaysia.

Saya kehairanan kerana apa sudah jadi dengan cerita `demi Datuk'? Seharusnya apabila sudah berjanji, pemain Selangor mereka seharusnya berpegang kepada kata-kata itu. Aksi di padang harus selari dengan janji-janji yang diluahkan kepada Mokhtar dan pengurusan Merah Kuning. Tetapi Selangor diaibkan perlawanan demi perlawanan termasuk dimalukan 2-6 di Stadium Shah Alam.

Dengan tidak semena-mena, teori kuasa pemain yang boleh menentukan jalan cerita sesuatu perlawanan kembali menggegar benak pemikiran saya. Apatah lagi apabila Mokhtar meminta FAS menyiasat secara menyeluruh prestasi merudum pemain Selangor. Rasanya mungkin ada yang tidak kena dengan prestasi Selangor. Bak kata seorang kawan, Selangor ada penjaga gol, pemain pertahanan, tengah dan penyerang skuad kebangsaan negara. Jadi kenapa Ken Worden selalu merungut dia tidak mempunyai material berkualiti tinggi? Hanya Worden yang tahu apa sebenarnya berlaku dalam kem Selangor!

Berbalik kepada pegawai Selangor pula. Rasanya sudah sampai masa mereka hentikan sikap suka berjanji. Kata orang tua, kalau berjanji mesti tepati. Kalau tidak boleh, baik diam. Selepas menang Piala Malaysia untuk kali ke-29, seingat-ingat saya memang ada pegawai Selangor berjanji mahu ke Australia. Namun janji hanya tinggal janji. Kerana itu, mungkin ada pemain Selangor kecewa dengan sikap pegawai suka berjanji tetapi tidak pandai menepati janji.

Mungkin elok selepas ini jangan berjanji, tetapi lebih molek kalau berikan `bunga dan harapan' apabila sudah berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Kalau setakat janji-janji palsu, mungkin ada pemain yang tidak sanggup ditipu lagi!